



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.100 / 2018

URUSAN PILIHAN RAYA KECIL (PRK) PARLIMEN P.078 CAMERON HIGHLANDS

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) pada 13 Disember 2018 telah menerima Perakuan daripada Mahkamah Pilihan Raya mengenai pengisytiharan bahawa keputusan pilihan raya bagi kerusi Parlimen P.078 Cameron Highlands yang diadakan pada 9 Mei 2018 adalah terbatal.
2. Sehubungan dengan itu, SPR juga telah membuat pemakluman rasmi kepada **Speaker Dewan Rakyat, Yang Berhormat Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof pada 17 Disember 2018** berhubung dengan kekosongan luar jangka kerusi Parlimen tersebut.
3. Selaras dengan Perkara 54(1) Perlembagaan Persekutuan, SPR akan mengadakan satu Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi mengisi kekosongan kerusi tersebut dalam tempoh 60 hari dari tarikh kekosongan yang ditentukan oleh SPR iaitu mulai **15 Disember 2018**.
4. Bagi maksud menjalankan PRK ini, SPR pada hari ini telah mengadakan Mesyuarat Khas dan telah menetapkan tarikh-tarikh penting seperti yang berikut :

| | | |
|----------------------------|---|---------------------------------|
| Tarikh Keluar Writ | : | 19 Disember 2018 (Rabu) |
| Hari Penamaan Calon | : | 12 Januari 2019 (Sabtu) |
| Hari Mengundi Awal | : | 22 Januari 2019 (Selasa) |
| Hari Mengundi | : | 26 Januari 2019 (Sabtu) |

4. Tempoh berkempen yang ditetapkan adalah **14 hari**, bermula pada hari Penamaan Calon sehingga pukul **11.59 malam, 25 Januari 2019**.

5. Bagi urusan permohonan undi pos luar negara dan dalam negara, tarikh buka dan tarikh tutup permohonan adalah seperti berikut :

| | | |
|---------------------|---|---------------------------------|
| Tarikh Buka | : | 19 Disember 2018 (Rabu) |
| Tarikh Tutup | : | 11 Januari 2019 (Jumaat) |

6. Bagi menjalankan proses pilihan raya kecil ini, SPR telah bersetuju untuk melantik Pegawai Daerah Cameron Highlands, **YANG HORMAT DATO' HAJI ISHAK BIN MD NAPIS** sebagai Pegawai Pengurus Pilihan Raya Kecil Parlimen P.078 Cameron Highlands. Beliau akan dibantu oleh **ENAM (6)** orang Penolong Pegawai Pengurus.

7. SPR juga bersetuju menubuhkan **EMPAT (4)** Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) untuk memantau semua aktiviti kempen pilihan raya sepanjang tempoh rasmi berkempen. Pasukan PP-KPR ini akan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak Polis, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), wakil-wakil calon yang bertanding dan juga pegawai SPR.

8. SPR akan menggunakan **Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Cameron Highlands** sebagai **Pusat Penamaan Calon**. Manakala **Pusat Penjumlahan Rasmi Undi** pula adalah di **Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Cameron Highlands**.

9. Untuk memudahkan proses penamaan calon, saya menggesa kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRK P.078 Cameron Highlands agar mengisi dan membuat semakan awal pengisian borang tersebut dengan Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri Pahang sebelum Hari Penamaan Calon. Selain itu bakal-bakal calon juga adalah dicadang untuk membuat pembayaran deposit lebih awal. Ini adalah bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan memastikan proses penamaan calon pada Hari Penamaan Calon dapat berjalan lancar.

10. Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa Kertas Penamaan Calon yang telah lengkap diisi dan disemak oleh Pejabat Pegawai Pengurus itu hendaklah dikemukakan oleh Calon atau penyokong atau pencadangnya semasa Hari Penamaan Calon di Pusat Penamaan Calon yang telah ditetapkan oleh SPR.

11. Buat kali pertama dalam sejarah pilihan raya, pada PRK ini SPR akan menyiarkan proses pengiraan undi secara langsung melalui media sosial SPR seperti Facebook dan Instagram dengan mengambil kira kesesuaiannya di satu saluran di Pusat Mengundi yang dipilih. Usaha ini adalah sebagai satu pendedahan dan kesedaran kepada masyarakat mengenai proses pengiraan undi semasa pilihan raya.

12. Selain daripada itu, SPR juga akan menyiarkan kepada umum keputusan awal PRK iaitu keputusan yang tertakluk kepada pengesahan melalui laman portal SPR dan juga paparan skrin di Pusat Penjumlahan Rasmi Undi.

13. SPR juga prihatin dengan kesulitan yang dihadapi oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) pada hari mengundi. Oleh itu, pada PRK ini, golongan berkenaan akan mengundi di Saluran 1. Seramai 385 orang pengundi OKU telah dikenal pasti dan mereka adalah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

14. Untuk mengendalikan PRK ini, seramai **811 orang petugas** dilantik untuk mengendalikan proses PRK P.078 Cameron Highlands. Manakala sebanyak **31 buah Pusat Mengundi** yang mengandungi kesemuanya **88 Saluran** akan digunakan untuk kemudahan mengundi. PRK ini dianggarkan memerlukan peruntukan **sebanyak RM3.5 JUTA**.

15. Daftar Pemilih Pilihan Raya yang akan digunakan untuk PRK ini adalah sehingga **Suku Ketiga Tahun 2018** yang dikemaskini sehingga **14 Disember 2018**. Daftar Pemilih tersebut mengandungi **32,009 orang pemilih berdaftar** yang terdiri daripada **31,750 orang pengundi biasa, 247 pengundi awal dan 12 orang Pengundi Tidak Hadir Luar Negara**. Daftar Pemilih tersebut akan mula dijual pada **7 Januari 2019**.

16. Pada tarikh yang sama, para pengundi boleh membuat semakan Daftar Pemilih untuk mengetahui maklumat pusat mengundi, saluran mengundi dan nombor bilangan mereka melalui **laman portal SPR** (www.spr.gov.my) atau menelefon ke talian **03-88927018** atau melalui **SMS 15888** atau melalui **aplikasi MySPR Semak**.

17. Pada PRK ini juga, SPR turut menawarkan kepada mana-mana Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) atau mana-mana badan yang berminat untuk menjalankan pemerhatian ke atas perjalanan proses PRK ini bermula dari hari penamaan calon sehingga keputusan pilihan raya diumumkan. Mereka dibenarkan untuk membuat pemerhatian seperti di pusat penamaan calon, pusat mengundi, tempat pengiraan undi dan pusat penjumlahan rasmi undi.

18. Selain itu, mana-mana badan yang berminat untuk menjadi Pemerhati Pilihan Raya Kecil ini boleh mengemukakan permohonan kepada SPR. Tarikh tutup permohonan sebagai Pemerhati Tempatan ini ialah pada **31 Disember 2018**.

19. Bagi menggalakkan pengundi supaya keluar menunaikan tanggungjawab mereka pada hari mengundi, SPR akan melaksanakan kempen `Jom Kita Undi` melalui pelbagai saluran media termasuk di media elektronik, media sosial, media cetak, hebahan melalui siaraya dan pemasangan kain rentang di lokasi-lokasi strategik seperti di tempat-tempat tumpuan awam, hentian bas dan lain-lain tempat yang bersesuaian.

20. Bagi PRK ini, SPR mensasarkan **70 peratus** pengundi akan keluar mengundi. SPR juga memohon kerjasama semua pihak termasuk pihak media dan parti-parti politik agar turut mengambil langkah untuk menyeru dan menggalakkan pengundi supaya keluar mengundi pada hari mengundi.

21. SPR juga akan meneruskan penambahbaikan seperti berikut:

- a) Disediakan **DUA (2) saluran khusus** bagi pengundi yang berumur 60 tahun dan ke atas di setiap Pusat Mengundi.
- b) **Memanjangkan tempoh masa pengundian** dari jam **8.00 pagi hingga 5.30 petang** berbanding jam 5.00 petang sebelum ini. Walau bagaimanapun terdapat beberapa Pusat Mengundi yang akan ditutup lebih awal iaitu antara jam 1.00 petang hingga 4.00 petang.
- c) **Menambah saluran mengundi** di pusat-pusat mengundi yang mempunyai jumlah pemilih yang ramai. Bagi PRK P.078 Cameron Highlands ini sebanyak **18 saluran baru** diwujudkan bagi mengelakkan jumlah pengundi terlalu ramai di satu-satu saluran menjadikan keseluruhannya adalah **88 saluran** berbanding **70 saluran** pada **PRU-14**.
- d) **Penambahan petak undi** di dalam tempat mengundi (saluran) kepada **TIGA (3) petak undi**. Di mana amalan sebelumnya adalah DUA petak undi sahaja.

22. Maklumat-maklumat lain berhubung dengan pilihan raya kecil ini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa oleh SPR.

Sekian dan terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

Tarikh : 19 Disember 2018 / 11 Rabiulakhir 1440H